



بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
Blok A & B, Kompleks Islam Putrajaya
No 23, Jalan Tunku Abdul Rahman
Presint 3, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8870 7000
Faks : 603-8870 7707
Portal Rasmi : www.islam.gov.my

Ruj. Kami : JAKIM.BPI, 600-3/1/4 (31)
Tarikh : 16 Oktober

Semua Penerima Skim Pembiayaan Hafiz (SPH) Jakim

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Tuan/Puan,

PROSEDUR PEMBAYARAN ELAUN KEPADA PENERIMA SKIM PEMBIAYAAN HAFIZ (SPH) JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)

Dengan hormatnya saya menarik perhatian tuan/puan kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia telah mengeluarkan satu Prosedur Pembayaran Elaun bagi Penerima Skim Pembiayaan Hafiz yang ingin menyambung pengajian di semester baru yang wajib dipatuhi oleh penerima Skim Pembiayaan Hafiz (SPH).
3. Prosedur ini boleh dirujuk seperti di **Lampiran A**. Pihak tuan/puan juga hendaklah memuat naik dokumen-dokumen yang diperlukan oleh pihak SPH secara atas talian di alamat <http://sph.islam.gov.my> dengan masuk sebagai penerima (*login penerima*).
4. Prosedur ini berkuatkuasa pada tarikh surat ini dikeluarkan. Kerjasama dan perhatian tuan/puan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, wassalam.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(HAJAH ZAWANAH BINTI MUHAMMAD)

Pengarah
Bahagian Pembangunan Insan
b.p Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

**PROSEDUR PEMBAYARAN ELAUN BAGI
PENERIMA SKIM PEMBIAYAAN HAFIZ (SPH)
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)**

TUJUAN

Prosedur ini bertujuan untuk menetapkan tatacara pembayaran elaun bagi pelajar tajaan Skim Pembiayaan Hafiz (SPH), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

LATAR BELAKANG

2. Prosedur pembayaran elaun ini merupakan satu panduan kepada para Pelajar bagi penyambungan elaun setiap semester.
3. Prosedur ini juga membantu Pelajar memahami tatacara pembayaran elaun setelah pelajar memuat naik dokumen-dokumen yang diperlukan sebagaimana yang telah diarahkan.
4. Prosedur ini juga bagi mengelakkan Pelajar daripada melanggar Perjanjian SPH yang boleh menyebabkan SPH dibatalkan dan Pelajar perlu membayar sejumlah wang sebagai ganti rugi dan denda kepada pihak Kerajaan Malaysia.

LAMPIRAN A

TATACARA PEMBAYARAN ELAUN

1. Para Pelajar yang ingin menyambung elaun untuk setiap semester hendaklah melalui proses berikut :
 - 1.1 Mengisi dengan lengkap keputusan peperiksaan secara atas talian di <http://sph.islam.gov.my> dengan masuk sebagai penerima (*login penerima*).
 - 1.2 Pelajar hendaklah memuat naik dokumen seperti berikut :
 - 1.2.1 Keputusan Peperiksaan Semester/Sesi lepas.
 - 1.2.2 Pengesahan Pengajian Semester/Sesi Baru .
 - 1.4 **Semua dokumen hendaklah disahkan oleh Dekan / Timbalan Dekan fakulti.**
 - 1.5 bagi pelajar USIM-Darul Quran hendaklah disahkan oleh Pengarah / Timbalan Pengarah Akademik.
2. Dokumen-dokumen yang tidak dimuat naik secara atas talian yang tidak lengkap boleh menyebabkan elaun pelajar tidak dibayar.

PINDAAN

3. Apa-apa pindaan kepada prosedur ini tertakluk kepada kelulusan Ketua Pengarah Jakim.